

**Syiling peringatan pertabalan Yang di-Pertuan Agong  
Utusan Online  
23 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR 22 Jun - Sempena pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-14, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, Bank Negara Malaysia (BNM) mengeluarkan wang syiling peringatan yang akan mula dijual pada Khamis depan.

BNM dalam kenyataan di sini hari ini berkata, syiling-syiling berkenaan dikeluarkan dalam bentuk emas, perak dan emas nordik.

"Syiling emas itu mempunyai 999.9 ketulenan dengan berat 7.96 gram (g). Ia mempunyai nilai RM100 dan akan dijual pada harga RM1,800 setiap keping. Hanya 500 keping dikeluarkan.

"Syiling perak yang mempunyai nilai RM10 mempunyai 92.5 ketulenan dengan berat 21g. Ia berharga RM150 sekeping dan dihadkan pengeluarannya kepada 600 keping.

"Emas nordik pula mempunyai nilai RM1 dan akan dijual pada harga RM10 sekeping. Hanya 15,000 keping dikeluarkan," katanya.

BNM berkata, syiling-syiling itu juga boleh didapati dalam set tiga dalam satu dan set dua dalam satu.

"Set tiga dalam satu mengandungi syiling emas, perak dan emas nordik. Ia dijual pada harga RM2,000 satu set dan hanya 500 set dikeluarkan.

"Set dua dalam satu pula mengandungi syiling perak dan emas nordik yang dijual pada harga RM200 satu set dan terhad kepada 500 set sahaja," katanya.

Syiling-syiling peringatan itu boleh dibeli di ibu pejabat BNM dan semua cawangannya di seluruh negara.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0623&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_03.htm](http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0623&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_03.htm)